

Peluasan SARA beri kesan positif penerima

Kuala Lumpur: Peluasan pelaksanaan Sumbangan Asas Rahmah (SARA) bermula Selasa lalu, iaitu usaha Kerajaan MADANI bagi meringankan beban kos sara hidup golongan berpendapatan rendah dan sederhana ternyata memberi kesan positif kepada penerima.

Kebanyakan mereka meluahkan rasa syukur serta penghargaan kepada Kerajaan MADANI kerana meningkatkan jumlah bantuan sehingga RM2,100 bagi isi rumah miskin dan miskin tegar di dalam rekod eKasih, berbanding RM1,200 tahun lalu.

Bantuan SARA sebanyak RM100 sebulan dikreditkan ke dalam MyKad penerima bagi Januari hingga Mac tahun ini dan kadar bantuan berkenaan ditingkatkan kepada RM200 sebulan bermula 1 April lalu, membabitkan 5.4 juta penerima iaitu peningkatan hampir lapan kali ganda berbanding 700,000 penerima sedia ada.

Di **Perlis** seorang penerima, Hawa Razak, 45, berkata peningkatan kadar bantuan SARA dapat meringankan beban suaminya yang bekerja sendiri untuk memenuhi keperluan bulanan keluarga mereka.

“Saya ada empat orang anak. Kalau dapat RM100 seperti dulu, terpaksa pilih barang yang lebih penting untuk dibeli, tetapi dengan RM200, boleh beli barang



5.4 juta menerima Sumbangan Asas Rahmah melalui inisiatif Kerajaan MADANI.
(Foto hiasan)

lain,” katanya.

Di **Johor** seorang warga emas, Masnah Shamsudin, 68, menyifatkan kadar bantuan yang dinaikkan bertepatan seiring dengan keadaan ekonomi semasa dan wanita itu memanfaatkan SARA untuk bekalan perubatan, selain barangan keperluan.

“Harga barang sekarang turun dan naik. Saya pula hanya mengharapkan pencen suami. Dengan bantuan ini, saya tidak perlu bimbang untuk beli barang dapur dan ubat-ubatan. Duit pemberian

suami saya boleh simpan,” katanya.

Di **Kelantan** seorang suri rumah, Rosmarini Abdul Rahman, 44, berkata SARA dapat mengurangkan kos bulanan untuk membeli keperluan harian serta perbelanjaan persekolahan anak, di samping menyifatkan inisiatif itu bukti komitmen kerajaan memastikan kesejahteraan rakyat.

Di **Perak** seorang penerima baharu SARA, Intan Suraya Mohd Noordin, 50, menyifatkan bantuan berkenaan dapat menjimat-

kan sebahagian kos perbelanjaan bulanan untuk barangan keperluan keluarganya.

Bagi bekas jururawat Zaitun Abdul Rahin, 63, pula, selain dapat mengurangkan beban perbelanjaan bulanan katanya, penyaluran bantuan SARA ke dalam MyKad juga memudahkan urusan pembelian tanpa tunai.

Mulai tahun ini, penyaluran SARA melalui MyKad juga diperluas ke Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Selain meluahkan kesyukuran

serta penghargaan dengan peluasan inisiatif berkenaan, seorang suri rumah dari Tuaran, Sabah, Laila Simbun, 46, berharap pihak berkaitan, termasuk kepimpinan di setiap kampung dapat mengenal pasti golongan yang layak menerima SARA untuk memastikan tiada yang tercicir daripada manfaat bantuan itu.

Di **Sarawak** bagi penerima baharu Andrew Sibat, 33, pula berkata bantuan SARA meringankan perbelanjaannya dengan dapat memanfaatkannya untuk menampung kos membeli barang keperluan asas dan barangan persekolahan anaknya.

“Sebelum ini memang ada dapat bantuan Sumbangan Tunai Rahmah (STR), ingatkan sekadar itu saja. Rupanya ada lagi bantuan lain. Perasaan bersyukur tidak dapat saya gambarkan,” katanya yang bekerja sendiri.

Di bawah program SARA, penerima boleh membeli barang keperluan asas terpilih dengan menggunakan MyKad di kedai runcit berdaftar yang berjumlah lebih 1,200 di seluruh negara, berbanding 700 kedai pada 2024.

Penerima SARA boleh menggunakan kredit yang disalurkan untuk membeli barang keperluan asas terpilih di bawah kategori barang kebersihan diri, ubat-ubatan dan peralatan persekolahan, selain barang makanan asas.

BERNAMA